



**RUJUKAN PANDUAN IKLAN
PROJEK HARTANAH KAWALAN
NEGERI SELANGOR**

LPHS

PENGENALAN

01

Panduan ini bertujuan sebagai rujukan kepada pemaju hartanah kawalan bagi mengelakkan iklan-iklan palsu dan mengelirukan di media sosial

KESALAHAN IKLAN

02

Terdapat beberapa kesalahan yang ditemui dalam iklan hartanah kawalan di media sosial

- 2.1 Menggunakan tanpa izin atau menyalahgunakan jata negeri Selangor dan logo Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
- 2.2 Menggunakan identiti projek Rumah Selangorku bagi projek BUKAN Rumah Selangorku
MAKLUMAT PALSU
- 2.3 Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan
MENGELIRUKAN ORANG AWAM

RUJUKAN PERUNDANGAN

03

- 3.1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
- 3.2 Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- 3.3 Enakmen Lambang-lambang Dan Nama-nama (Mencegah Daripada Salah Guna) 1962 [Enakmen 13]

01

Seksyen 3

**ENAKMEN LAMBANG-LAMBANG
DAN NAMA-NAMA (MENCEGAH
DARIPADA SALAH GUNA) 1962
[ENAKMEN 13]**

**Larangan menggunakan jata negeri
Selangor tanpa keizinan bertulis Raja
dalam Mesyuarat**

KESALAHAN 1

Menggunakan
tanpa izin atau
menyalahgunakan
jata negeri
Selangor dan logo
Lembaga
Perumahan dan
Hartanah Selangor
(LPHS)

02

Seksyen 8

**Peraturan-peraturan Pemajuan
Perumahan (Kawalan dan
Pelesenan) 1989**

**Larangan kandungan iklan apa-apa
berhubungan dengan :**



Kerajaan Persekutuan



**Kerajaan mana-mana Negeri
dalam Malaysia**



**Mana-mana Majlis Bandaraya
atau Majlis Perbandaran atau
Majlis Daerah**



**Mana-mana pertubuhan atau
badan yang ditubuhkan dan
diperbadankan oleh undang-
undang.**

KESALAHAN 2

03

Seksyen 233

Akta Komunikasi dan Multimedia
1998 [Akta 588]

Larangan menyiarkan atau menggunakan
maklumat palsu di media sosial.



Menggunakan
identiti projek
Rumah Selangorku
bagi projek BUKAN
Rumah Selangorku

***MAKLUMAT
PALSU**

04

Seksyen 5

**Peraturan-peraturan Pemajuan
Perumahan (Kawalan dan
Pelesenan) 1989**

KESALAHAN 3

Menggunakan
paparan iklan yang
tidak mematuhi
spesifikasi yang
ditetapkan

***MENGELIRUKAN
ORANG AWAM**

 Tiada apa-apa iklan boleh dibuat
tanpa mendapat permit iklan
daripada Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan.

 Apa-apa iklan hendaklah mengikut
permit iklan yang diluluskan oleh
Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan.

LPHS

Seksyen 6**Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989**

Paparan iklan hendaklah mengandungi butiran seperti berikut:

- ✓ Nombor dan tarikh sah lesen pemaju
- ✓ Nombor dan tarikh sah permit iklan
- ✓ Nama dan alamat pemaju termasuk pemegang surat kuasa wakil syarikat dan ejen-ejenya
- ✓ Status pegangan tanah termasuk butiran pegangan pajakan (sekiranya pajakan) seperti tamat tempoh pajakan, sekatan kepentingan dan bebanan ke atas tanah tersebut
- ✓ Spesifikasi unit hartanah
- ✓ Nama pemajuan
- ✓ Tarikh pemajuan dijangka siap
- ✓ Harga jualan mengikut jenis hartanah termasuk harga jualan minimum dan maksimum jika berkenaan
- ✓ Bilangan unit bagi setiap jenis hartanah
- ✓ Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan bangunan dan nombor rujukannya

KESALAHAN 3

Menggunakan paparan iklan yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan

***MENGELIRUKAN ORANG AWAM**

Seksyen 8

Peraturan-peraturan Pemajuan
Perumahan (Kawalan dan
Pelesenan) 1989

Paparan iklan tidak boleh mengandungi
butiran seperti berikut:



Tawaran fi guaman percuma



Unjuran pulangan keuntungan dan
pendapatan sewaan



Dakwaan berkenaan pemandangan
panorama



Tempoh perjalanan dari projek perumahan
ke destinasi terkenal




Lain-lain butiran yang tidak boleh
dibuktikan secara sah

KESALAHAN 3

Menggunakan
paparan iklan yang
tidak mematuhi
spesifikasi yang
ditetapkan

***MENGELIRUKAN
ORANG AWAM**

SEKIAN, TERIMA KASIH



Disediakan Oleh :
Unit Penguatkuasaan,
Bahagian Pembangunan Operasi,
Lembaga Perumahan dan
Hartanah Selangor

JANUARI 2023



016-3301272



enforcement.lphs@gmail.com.my